

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : STADIUM TERTUTUP MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU, JOHOR
Tarikh : 11-09-2005
Tajuk : MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DAN PERTANDINGAN
NASYID PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Ghani Othman,
Menteri Besar Negeri Johor merangkap Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri
Johor;

Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz,
Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia;

Yang Berbahagia Ustazah Zaleha Hussin,
Pengerusi Biro Agama Wanita UMNO Malaysia;

Ahli-ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia,

Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor,

Tuan-tuan, puan-puan, saudara dan saudari sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Pertamanya saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnianya jua dapat kita berhimpun dalam satu majlis yang penuh manfaat dan keberkatan pada malam ini.
2. Sesungguhnya kita kini berada dalam bulan Syaaban (hari ini 7 Syaaban), salah satu daripada tiga bulan utama dalam kalendar Hijrah yang sering dimuliakan dan dibesarkan oleh umat Islam. Jika bulan Rejab yang baru berlalu dianggap sebagai bulan ujian dan Ramadhan yang akan tiba bulan hadapan sebagai bulan latihan, maka eloklah bulan Syaaban yang mulia ini menjadi bulan persediaan melakukan lebih banyak kebajikan.
3. Kerana itulah kita berasa amat gembira dengan WANITA yang tidak kunjung jemu bekerja keras dan bertungkus lumus untuk kejayaan parti. Apatah lagi dengan menganjurkan pelbagai aktiviti terutamanya program berbentuk keagamaan yang berfaedah seperti ini. Justeru pada hemah saya, majlis seperti ini adalah mustahak kerana, selain daripada memenuhi tuntutan bulan yang mulia, sebagai orang Melayu yang beragama Islam, faktor kerohanian yang tinggi dan spiritual yang kukuh amat perlu sebagai landasan dan tunjang yang utama kepada apa pun juga perjuangan kita.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

4. Sesungguhnya juga, Al-Quran mempunyai peranan yang amat penting dalam kehidupan Muslim. Sebagai wahyu dan mukjizat terbesar kepada Nabi Muhammad

S.A.W, Al-Quran adalah panduan hidup yang lengkap, padat dan tepat. Sebagai umat Islam kita wajib meyakini bahawa Al-Quran adalah perlembagaan dan intisari makna kehidupan di dunia dan akhirat. Kita juga dituntut untuk membaca, mendalami makna Al-Quran yang merupakan jawapan kepada pelbagai masalah dan persoalan duniawi.

5. Lantas, apabila kita bercakap tentang agama, kita seharusnya melihat agama dalam konteks yang menyeluruh. Tambahan pula, konsep ibadah itu amat luas dan mencakupi sebarang pekerjaan yang baik, selagi mana tidak bersalahan dan bertentangan dengan hukum-hakam agama yang secara dasar dan asasnya telah digariskan dalam Al-Quran.

6. Di sini, apa yang menjadi persoalan dalam konteks pemahaman terhadap Al-Quran ialah kedangkalan sebahagian besar umat Islam dalam mentafsirkan maknanya. Seheinggakan ada yang mengambil pendekatan langsung meletakkan nilai Al-Quran setaraf dengan buku-buku panduan dan karya manusia yang lain. Ini sudah tentu satu hal yang menyimpang dan memesongkan. Hakikatnya, Al-Quran adalah Kalam Allah dan tidak mungkin dapat di tandangi oleh kebolehan manusia menulis dan berkarya. Ini di jelaskan dalam Al-Quran surah Al-Israk ayat 88 yang menegaskan,

“ katakanlah (hai Muhammad) sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa Al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan mampu membuat yang serupa dengannya, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain”.

Saudara dan saudari yang dimuliakan sekalian,

7. Justeru, saya ingin nyatakan faktor kefahaman yang jelas dengan cara mempelajari ilmu agama dan ilmu Al-Quran yang betul dari mereka yang bertauliah bukanlah soal main-main. Padahalnya seperti kita sedia maklum tentang ramai yang telah terpengaruh dan menjadi pengikut ajaran-ajaran sesat seperti terkini Ayah Pin dan pengikutnya yang ternyata menyimpang jauh dari landasan sebenar. Puncanya ialah keketatan ilmu agama dan kefahaman yang salah diterima berhubung soal agama.

8. Oleh kerana itulah, Al-Quran yang syumul itu perlu difahami sebagai kitab suci yang menyediakan pendekatan dan wasilah yang secukupnya untuk memandu manusia ke jalan yang lurus dan benar. Bahkan, jika di tafsir dengan lebih mendalam, Al-Quran juga adalah kitab “ rahsia kejayaan ” yang tersimpan di dalamnya pelbagai ilmu, maklumat, pedomam dan pengajaran untuk membolehkan umat Islam berjaya di dunia dan akhirat. Daripada fakta saintifik kejadian manusia dan cakerawala yang hebat hingga kepada suruhan menuntut ilmu, berniaga, bekerja, bermasyarakat dan bernegara semuanya prinsip-prinsip asasnya terkandung dalam Kitabullah ini.

9. Sehubungan dengan ini juga, dalam pengamatan saya, ada satu hal lagi yang agak merunsingkan berlaku sejak kebelakangan ini kepada umat Islam, termasuklah golongan ilmuwan yang terdidik dengan pelbagai fahaman dan pendekatan. Mereka seakan-akan kehilangan keyakinan dan keberanian untuk memberi tafsiran terhadap ajaran Al-Quran secara yang lebih mendalam dengan turut mengambil kira faktor-faktor kontemporari. Barangkali keadaan ini disebabkan oleh kedangkalan ilmu dan kejumudan sikap yang terasuh dalam persekitaran masyarakat Islam yang juga tidak

berapa maju dalam pelbagai bidang. Malah ada juga di kalangan ilmuwan Islam yang beranggapan bahawa tafsiran Al-Quran telah dibuat secukupnya oleh ilmuwan yang terdahulu dan berpadalah dengan apa yang telah di jelaskan. Ini ternyata satu pegangan yang tidak bijak malah merugikan umat Islam.

10. Oleh yang demikian, ramai yang telah langsung tidak mempedulikan soal makna dan tafsiran di sebalik ayat-ayat dalam Al-Quran kerana hanya terhenti setakat mementingkan kemampuan membacanya sahaja. Persoalan yang lebih besar sebenarnya adalah untuk membina umat Islam yang mantap dan kukuh, menjadi bangsa yang maju dan bermaruah dari segi peradaban moden yang merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan budaya. Dari itu, setiap umat Islam perlu berusaha untuk memahami Al-Quran secara lebih holistik dan tidak setakat boleh membaca sahaja. Tugas ini adalah tugas dan tanggungjawab individu, ibu bapa, anak-anak, suami isteri, sesuatu yang – fardu ‘ain, bukan lagi fardu kifayah yang hanya perlu dilaksanakan oleh golongan ulama sahaja.

11. Bertolak dari sinilah, kita semua perlu celik Al-Quran dalam erti kata sebenarnya. Kita semua sememangnya beriman dengan penuh yakin bahawa Al-Quran itu diturunkan sesuai kepada semua batas zaman dan masa. Tentunya peristiwa turunnya ayat-ayat suci yang mengambil masa selama dua puluh dua tahun dua bulan dan dua puluh dua hari itu amat besar mukjizatnya. Bahkan lagi ia satu-satunya rujukan yang telah dibaca oleh ratusan juta manusia tanpa henti sejak lebih seribu empat ratus tahun. Hanya orang yang ingin mengambil peluang dan kebaikan darinya akan berjaya. Buktinya seperti maksud ayat 269 daripada Surah Al-Baqarah:

“bahawa Allah menganugerahkan kebijaksanaan kepada sesiapa yang dia kehendaki dan hanya bagi orang yang berakal dan mahu berfikir sahaja berupaya mendapat pengajaran.”

12. Ini bererti, proses Ijtihad yang mengambil kira ketajaman akal dan minda manusia serta diistinbatkan kepada dalil dan hukum perlu terus hidup lagi disuburkan demi memberi tafsiran dan kefahaman semasa yang pragmatik dan praktikal untuk membangunkan umat manusia seluruhnya. Kita tentunya tidak mahu dianggap kolot dan tidak berkembang seiring dengan kepesatan zaman sedangkan Islam itu adalah rahmat di setiap masa.

13. Makanya, kita mahukan usaha memahami Al-Quran tidak terbatas kepada kefahaman tentang makna terjemahannya ke bahasa Melayu. Gunakanlah segala kemudahan dan peluang yang ada kini untuk mempelajari dan memahirkan diri dalam bahasa Arab iaitu bahasa asal Al-Quran. Saya berpendapat ini telah menjadi satu kekurangan kepada kita yang membawa kepada kurangnya juga penghayatan disebabkan tidak memahami bahasa tersebut. Malah Al-Quran juga perlu dijiwai sepenuhnya.

14. Pelbagai kaedah moden telah mula dipelopori dalam mempelajari Al-Quran kini. Terjemahannya telah di buat dalam lebih 60 bahasa. Al-Quran versi multimedia semakin banyak di pasaran. Contohnya, kelmarin, Sabtu 10 September, Perdana Menteri telah merasmikan Al-Quran Mushaf Malaysia dan terjemahan serta versi multimedia yang diusahakan oleh Yayasan Restu, sebuah organisasi tempatan yang tidak berorientasikan keuntungan.

15. Jelasnya, Al-Quran perlu dijadikan sebagai “dustur hayat” (perlembagaan hidup) dan teras kewujudan seseorang Muslim. Keakraban Al-Quran dengan umat Islam

adalah bagai isi dan kuku. Kehadiran Al-Quran dalam diri setiap umat Islam adalah bagai obor bercahaya di malam hari dan keindahan sinar mentari di siang hari.

16. Oleh itu, peranan Al-Quran ini penting difahami oleh setiap umat Islam bagi memastikan terbinanya Generasi Al-Quran atau dalam istilah Bahasa Arab, Jil A-Quran yang mantap. Di zaman Rasullulah S.A.W., Generasi Al-Quran, hidup dibayangi oleh ajaran dan pedoman Al-Quran. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai sumber inspirasi dan citra kehidupan, sama ada sebagai pendidik, pendakwah, pemimpin, pedagang, pujangga, saintis, teknologi, pengurus, petani, pelayar atau golongan pekerja. Inilah yang menyebabkan terbinanya tamadun Islam yang teguh dan kuat. Menerusi generasi Al-Quran inilah juga terciptanya kegemilangan umat Islam dalam pelbagai lapangan sehingga menjadi empayar terbesar dan terkuat. Konsep dan pendekatan inilah intipati pendekatan Islam Hadhari yang hendak kita bangunkan di Malaysia.

17. Selain daripada meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran dengan betul dan baik dalam segala segi, kita juga mengharapkan minat dan kesungguhan untuk mendekati, mempelajari dan menghayati Al-Quran akan meningkat, khususnya di kalangan generasi muda.

18. Begitulah juga, dalam arus perkembangan seni suara yang hebat dengan pelbagai kaedah pertandingan kini, nasyid semakin mendapat tempat di hati rakyat bukan sahaja golongan dewasa malahan peringkat remaja. Ianya adalah muzik alternatif yang amat baik. Nasyid mempunyai seni kata nasihat, ingatan, pedoman dan pengajaran yang bermanfaat. Iramanya juga menarik dan tidak mengkhayalkan. Industri nasyid wajar dikembangkan lagi hingga ke peringkat antarabangsa sebagaimana usaha kumpulan Raihan dan Rabbani. Kita wajar menembusi pasaran negara OIC khususnya di Timur Tengah dan rantau Asia Tenggara yang mempunyai pasaran umat yang ramai. Saya ingin menyeru agar industri muzik tanah air memberi tumpuan terhadap nasyid juga.

19. Dalam konteks inilah, peranan golongan wanita dianggap sangat penting. " Tangan yang menghayun buaian, boleh menggoncang dunia " begitulah bunyi kata-kata semangat tentang peranan golongan wanita dalam menentukan kemajuan dan pembangunan sesebuah bangsa dan peradaban. Kita berharap majlis yang diadakan pada hari ini dapat dijadikan asas untuk menggerakkan lebih ramai wanita Islam, khususnya ahli-ahli UMNO, untuk lebih dekat kepada ajaran dan penghayatan Al-Quran.

20. Budaya masyarakat Al-Quran hendaklah disemai di kalangan kita berpaksikan ketakwaan, kejujuran, perpaduan, amanah dan sikap saling hormat-menghormati serta cintakan perjuangan untuk agama bangsa dan negara dengan sentiasa membesarkan nama Allah S.W.T.

21. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan Biro Agama Wanita UMNO Malaysia yang berjaya mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran dan pertandingan Nasyid buat kali ke-3 ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.